

AŞNĀF FĪSABĪLILLĀH MENGIKUT PANDANGAN YŪSUF AL-QARAÐĀWĪ : SOROTAN TERHADAP BUKU *FIQH AL-ZAKĀH*

Oleh:

Hafizah bt. Alaidin¹

Luqman b. Hj. Abdullah²

Abstrak

Buku Fiqh al-Zakāh telah dikarang oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī dan terdiri daripada dua jilid. Buku ini sering dijadikan rujukan oleh masyarakat dan para ilmuwan dalam perkara-perkara berkaitan zakat. Aşnāf zakat (golongan yang berhak menerima zakat) fī sabīlillāh (di jalan Allah) telah ditafsirkan beliau sebagai jihad sepertimana maksud yang disepakati oleh kebanyakan ulama. Namun, maksud jihad yang digariskan beliau merupakan satu perluasan terhadap makna jihad yang membawa sedikit perbezaan dari aspek pelaksanaan berbanding makna jihad yang telah digariskan oleh kebanyakan ulama yang hanya dikhususkan bagi tujuan jihad peperangan. Jadi kajian ini bertujuan mengenalpasti dalil dan kaedah yang telah digunakan beliau dalam melakukan perluasan terhadap maksud jihad tersebut dan sejauhmana perluasan tersebut dapat dilaksana. Kajian yang dijalankan oleh penulis adalah berbentuk kajian perpustakaan. Setelah disoroti pandangan beliau di dalam buku ini didapati perluasan tersebut telah berpandukan dalil yang kuat daripada al-Quran dan hadis serta konsep qiyās yang mengharuskan perluasan tersebut. Perluasan maksud jihad ini meliputi jihad ketenteraan, fikiran, pendidikan, kemasyarakatan dan sebagainya dengan memenuhi beberapa syarat utama bagi dimasukkan di dalam jihād fī sabīlillāh. Kajian merumuskan bahawa perluasan jihad ini dapat dilaksanakan di Malaysia dengan memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

¹ Hafizah bt. Alaidin, calon Sarjana di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

² Luqman b. Hj. Abdullah (Ph.D), Pensyarah Kanan Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kata kunci: *Fī Sabīlillāh*, Jihad, *Jihād fī Sabīlillāh*, Ayat *al-Ṣadaqāt*

PENDAHULUAN

Para ulama telah berselisih pendapat tentang skop lafaz ﴿وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ﴾ dalam ayat *al-ṣadaqāt* (Surah al-Tawbah ayat 60) kepada beberapa maksud. Antaranya bermaksud jihad, golongan perang, jemaah haji dan umrah, penuntut ilmu serta perkara kebaikan dan kebajikan umum. Menurut Yūsuf al-Qaraḏāwī,³ perselisihan ini disebabkan terdapat dua maksud *fī sabīlillāh* (di jalan Allah) dalam konteks yang berbeza. Pertama, dalam konteks makna dari segi bahasanya yang bermaksud umum iaitu setiap amal ikhlas yang membawa kepada ketaatan dan *taqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah S.W.T sehingga meliputi segala amal kebaikan sama ada dilakukan secara individu atau kumpulan. Kedua, dalam konteks makna pada kebiasaannya yang sering difahami apabila disebut (*iḥlāq al-lafẓ*) adalah bermaksud sebagai jihad.⁴ Takrifan berbentuk umum ini telah diberikan oleh beberapa ahli bahasa seperti Ibn Manẓūr, Ibn al-Athīr, dan Fayrūz Ābādī. Menurut mereka, setiap perkara kebajikan dan kebaikan yang membawa ketaatan kepada Allah S.W.T adalah termasuk dalam pengertian *sabīlillāh* (jalan Allah).⁵ Namun, kebanyakan ahli bahasa telah memperakui penggunaan kalimah *sabīlillāh* ini adalah lebih banyak menjurus kepada maksud jihad.⁶ Disebabkan itu, *jumhūr ‘ulamā’* (kebanyakan ulama) turut sepakat mentakrifkan ﴿وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ﴾

³ Nama penuh beliau adalah Yūsuf b. ‘Abdullah b. Yūsuf b. ‘Alī al-Qaraḏāwī. Al-Qaraḏāwī adalah nama keluarganya yang diambil dari nama Daerah *al-Qarḏah*. Beliau telah dilahirkan di *Ṣaḡt Turāb*, Mesir pada 9 September 1926. Lihat Akram Kassāb (2007), *al-Manhaj al-Da’wī ‘Inda al-Qaraḏāwī*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah, h. 23. Buku *Fiqh al-Zakāh Dirāsah Muqāranah li Ahkāmihā wa Falsafatihā fī Ḍaw’ al-Qurān wa al-Sunnah* karangan beliau ini terdiri daripada dua jilid dengan menggunakan empat asas utama iaitu al-Quran, sunnah Nabi S.A.W, sunnah *al-Khulafā’ al-Rāshidīn* dan pandangan-pandangan *fuqahā’* sebagai manhaj penulisan buku ini. Di dalam buku ini, beliau *mentarjih* (menguatkan) pandangannya dalam beberapa perkara zakat termasuk *mentarjih* maksud *fī sabīlillāh* dalam ayat *al-ṣadaqāt*.

⁴ Yūsuf al-Qaraḏāwī (2009), *Fiqh al-Zakāh*, j. 2, Dimashq: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah, h. 109.

⁵ Ibn Manẓūr (1956), *Lisān al-‘Arab*, j. 35, t.tp.: Dār Bayrūt, h. 320, Ibn al-Athīr (1963), *al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth wa al-Athar*, j. 2, al-Qāhirah: Maktabah al-Islāmiyyah, h. 338-339 dan Fayrūz Ābādī (t.t), *al-Qāmus al-Muḥīṭ*, j.3, al-Qāhirah: Muassasah al-Ḥalabī, h. 392.

⁶ Ibn Manẓūr (1956), *op.cit.*, h. 320, Ibn al-Athīr (1963), *op.cit.*, h. 338-339, Fayrūz Ābādī (t.t), *op.cit.*, h. 392, Muḥammad al-‘Adnānī (1986), *Mu’jam al-Aghlāṭ al-Lughawiyah al-Mu’āṣarah*, t.tp.: Maktabah Lubnān, h. 297 dan Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (1972), *al-Mu’jam al-Wasīṭ*, j. 1, Turki: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 415.

﴿ الله ﴾ di dalam ayat *al-ṣadaqāt* sebagai jihad pada jalan Allah yang dikhususkan bahagiannya kepada golongan yang berperang (*al-ghuzāh*).⁷ Persepakatan pada makna jihad yang dipilih oleh *jumhūr ‘ulamā’* ini telah dijadikan asas oleh Yūsuf al-Qaradāwī dalam mengutarakan pandangan beliau berkaitan *aṣnāf fī sabīlillāh* pada zaman ini.

AṢNĀF ZAKAT DALAM ISLAM

Pensyariatian pengagihan zakat di dalam Islam telah termaktub dalam al-Quran secara jelas menerusi ayat *al-ṣadaqāt* atau ayat *maṣārif al-zakāh*. Firman Allah S.W.T:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

(Al-Tawbah 9:60)

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang menguruskannya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Surah al-Tawbah ayat 60 di atas telah menjelaskan hanya lapan golongan *aṣnāf* yang disebut sahaja yang berhak menerima habuan zakat. Pembatasan bagi lapan golongan ini difahami daripada kalimah (إنما) yang berada di awal ayat tersebut sebagai *adāt al-ḥaṣr* (kata pembatas) bagi

⁷ Al-Nawāwī (t.t), *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadḥab*, j. 6, Miṣr: Maṭba’ah al-Imām, h. 125, Ibn al-Hummām (1995), *Sharḥ Faṭḥ al-Qadīr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 264, Ibn Rusḥd (1981), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 277, al-Mardāwī (1998), *al-Inṣāffī Ma’rifah al-Rājih min al-Khilāf ‘ala Madhhab al-Imām Aḥmad b. Ḥanbal*, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, h.167.

menafikan selainnya.⁸ Kerana itu, para ulama telah bersepakat menetapkan pengagihan harta zakat tidak boleh dilakukan kepada selain daripada lapan *aṣnāf* tersebut atau bagi tujuan-tujuan yang lain.⁹

KONSEP *FĪ SABĪLILLĀH* PADA PANDANGAN YŪSUF AL-QARAḌĀWĪ.

Dalam menghuraikan maksud *fī sabīlillāh* (di jalan Allah) dalam ayat *al-ṣadaqāt* ini, pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī dilihat paling hampir dengan konsep *fī sabīlillāh* yang telah difahami oleh *jumhūr ‘ulamā’* dan telah dijadikan asas pada pandangannya. Konsep *fī sabīlillāh* pada pandangan beliau telah difahami melalui beberapa kaedah berikut:

1. Mentafsirkan *fī sabīlillāh* dengan makna jihad.

Fī sabīlillāh dalam ayat *al-ṣadaqāt* telah ditafsirkan beliau sebagai jihad sepertimana makna yang telah disepakati oleh *jumhūr ‘ulamā’*. *Jumhūr ‘ulamā’* telah mentakrifkan ﴿ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ﴾ di dalam ayat tersebut sebagai jihad pada jalan Allah dengan berpandukan beberapa hujah dan dalil. Oleh itu pandangan beliau dilihat tidak keluar dari persepakatan ini pada asasnya.

Maksud jihad yang dipilih beliau ini telah berpandukan beberapa hujah berikut:

a) Dalil daripada al-Quran

Menurut *jumhūr ‘ulamā’*, *fī sabīlillāh* yang diertikan sebagai jihad adalah berpandukan kalimah *fī sabīlillāh* yang terdapat di dalam al-Quran yang sering menjelaskan perbuatan jihad diikuti dengan lafaz *sabīlillāh* (jalan Allah).¹⁰ Manakala Yūsuf al-Qaraḍāwī dalam perkara ini melihat maksud

⁸ Al-Shawkānī (2013), *Fatḥ al-Qaḍīr*, j.1, al-Qāhirah: Dār al-Ghad al-Jadīd, h. 745.

⁹ Ibrāhīm al-Bājūrī (t.t), Ḥāshiah al-Bājūrī, dicetak bersama Ibn Qāsim al-Ghāzī, *Matan Abī Shujā’*, j. 1, Miṣr: ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 282, Muḥammad b. Aḥmad al-Sharbīnī (1940), *al-Iqnā’ fī Ḥill al-Fāz Abī Shujā’*, j. 1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 212.

¹⁰ Al-Sharbīnī (t.t), *Mughnī al-Muḥtāj ilā Ma’rifah Muta’ānī al-Fāz al-Minhāj*, j. 3, Riyāḍ: al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 111, al-Nawāwī (t.t), *op.cit.*, h. 226, Ibn Qudāmah (1992), *al-Mughnī*, j.9, al-Qāhirah: Hajr Lī al-Ṭibā’ah wa al-Nashr, h.326, al-Bājī (1999), *al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, j.3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-’Ilmiyyah, h. 240.

khusus *fī sabīlillāh* yang terdapat di dalam al-Quran sebagai jihad adalah melalui penyebutan kalimah *fī sabīlillāh* bersama beberapa kata kerja seperti *jāhada* (berjihad), *qātala* (berperang) atau selepas ayat yang menerangkan berkaitan peperangan. Makna khusus ini turut dikenalpasti oleh beliau melalui lafaz *fī sabīlillāh* yang disertai dengan kata kerja *anfaqa* (*infāq*). Dalam keadaan ini, beliau menjelaskan *fī sabīlillāh* memberi dua maksud:

- i. Maksud umum sepertimana maksud pada bahasanya seperti makna *fī sabīlillāh* dalam surah al-Baqarah ayat 261.
- ii. Maksud khusus iaitu jihad menolong agama dan memerangi musuh Allah sehingga tertegak kalimahNya seperti lafaz *fī sabīlillāh* dalam surah al-Baqarah ayat 195.

Pada pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī, kalimah *fī sabīlillāh* yang terdapat di dalam ayat *al-ṣadaqāt* turut membawa maksud *infāq* (pemberian) yang membawa kepada maksud umum dan khusus walaupun kalimah *anfaqa* tidak disebut secara *ṣarih* (jelas).¹¹ Namun menurutnya, memahami *fī sabīlillāh* dengan maksud yang umum akan membuka kepada kepelbagaian amal dan usaha yang tidak lagi terbatas pada sasaran zakat dan akan menafikan pembatasan *aṣnāf* zakat yang lapan sebagaimana yang telah ditentukan secara jelas dalam al-Quran dan hadis.¹² Tambahan pula, makna yang diterima ini turut melibatkan pemberian kepada golongan fakir, miskin dan baki *aṣnāf* yang lain yang akan menyebabkan tiada lagi perbezaan antara *aṣnāf* zakat kerana pemberian kepada golongan-golongan ini turut termasuk dalam perkara kebaikan dan ketaatan. Perkara tersebut secara langsung akan menyebabkan berlakunya pengulangan pada firman Allah S.W.T yang sudah pastinya memberi makna yang khusus bagi membezakannya dengan baki *aṣnāf* yang lain.¹³ Justeru, menurutnya adalah tidak tepat sekiranya *fī sabīlillāh* difahami dengan maksud yang umum didalam ayat *al-ṣadaqāt* ini.¹⁴

b) Dalil daripada hadis

Maksud jihad yang telah dipilih oleh beliau ini turut berpandukan hadis yang diriwayatkan oleh Abū Saʿīd al-Khudrī sebagaimana ianya menjadi sandaran hujah oleh *jumhūr ʿulamāʾ*. Hadis ini menjelaskan bahawa

¹¹ Yūsuf al-Qaraḍāwī (2009), *op.cit.*, h.131.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*, h. 131-132.

¹⁴ *Ibid.*

terdapat lima golongan kaya yang berhak ke atas harta zakat. *Al-ghāzī* (orang yang berperang) adalah salah satu golongan yang telah ditentukan haknya. Menurut Imam al-Nawāwī, tidak terdapat bahagian dalam *āṣnāf* lapan yang diberikan di bawah nama *al-ghāzī* melainkan ianya diberikan dari saham *fī sabīlillāh*.¹⁵ Sabda Nabi S.A.W:

لَا تَحِلُّ الصَّدَقَةُ لِعَنِيٍّ، إِلَّا لِحِمْسَةٍ : لِعَازٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، أَوْ لِعَامِلٍ عَلَيْهَا،
أَوْ لِعَارِمٍ، أَوْ لِرَجُلٍ اشْتَرَاهَا بِمَالِهِ، أَوْ لِرَجُلٍ كَانَ لَهُ جَارٌ مَسْكِينٌ فَتُصَدِّقَ
عَلَى الْمَسْكِينِ فَأَهْدَاهَا الْمَسْكِينُ لِّلْعَنِيِّ.

*Zakat tidak halal bagi orang kaya kecuali untuk lima golongan: Orang yang berperang di jalan Allah, amil, orang yang berhutang, orang yang membeli zakat dengan hartanya atau yang mempunyai jiran yang miskin kemudian diberikan zakat kepadanya lalu dihidiahkannya kepada orang kaya.*¹⁶

Terdapat beberapa hadis lain yang turut dijadikan hujah oleh beliau terhadap makna jihad ini. Antaranya hadis Nabi S.A.W:

مَنْ احْتَبَسَ فَرَسًا فِي سَبِيلِ اللَّهِ، إِيمَانًا بِاللَّهِ وَتَصَدِيقًا بِوَعْدِهِ، فَإِنَّ شِبَعَهُ
وَرِيئَهُ وَرَوْنَهُ وَبَوْلَهُ فِي مِيزَانِهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

*Barangsiapa mewakafkan seekor kuda di jalan Allah kerana beriman dengan Allah dan membenarkan janjinya, maka kenyangannya kerana makan dan minum, tahinya dan air kencingnya dalam timbangannya pada hari akhirat.*¹⁷

Nabi S.A.W juga bersabda:

لَعَدْوَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَوْ رَوْحَةٌ خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا.

¹⁵ Al-Nawāwī (t.t), *op.cit.*, h. 125.

¹⁶ Abū Dāwud Sulaymān b. al-Ash'ath al-Sajastānī (t.t), *Sunan Abū Dāwud, Kitab al-Zakāh, Bāb Man Yajīzu lah Akhdhu al-Ṣadaqah wa huwa Ghaniyy*, hadīth ṣaḥīḥ, no. h. 1635, Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 284, Abū 'Abd Allāh Muḥammad b. Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibnu Mājah, Kitab al-Zakāh, Bab Man Taḥillu lah al-Ṣadaqah*, hadīth ṣaḥīḥ, no. h. 1841, Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', h. 320.

¹⁷ Abū 'Abdullah Muḥammad b. Ismā'il al-Bukhārī (1403 H), *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ, Kitab al-Jihād wa al-Siyar, Bab man Iḥtabasa Farsa fī Sabīlillāh*, no. h. 2853, j. 2, al-Qāhirah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah, h. 319.

*Sesungguhnya berangkat ke jalan Allah di waktu pagi dan siang hari lebih baik daripada dunia dan seisinya.*¹⁸

Dalam hadis yang sahih juga, ‘Umar bin al-Khaṭṭāb r.h. berkata :

حَمَلْتُ عَلَى فَرَسٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ، فَرَأَيْتُهُ يُبَاعُ، فَسَأَلْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشْتَرِيهِ ؟ فَقَالَ : لَا تَشْتَرِهِ وَلَا تَعُدْ فِي صَدَقَتِكَ.

*Aku membawa (memberi tunggangan) di atas kuda pada jalan Allah, lalu aku mendapati kuda itu dijual. Aku bertanya kepada Nabi S.A.W.: Apakah aku boleh membelinya? Maka beliau S.A.W. bersabda: Janganlah engkau membelinya dan jangan mengambil kembali sedekahmu.*¹⁹

Menurut Yūsuf al-Qaradāwī, kalimah-kalimah *fī sabīlillāh* yang terdapat dalam hadis-hadis di atas bermaksud sebagai jihad dan tidak diertikan dengan maksud-maksud selainnya.²⁰ Hasil penelitiannya dalam perkara di atas, beliau berpandangan bukti-bukti yang terdapat di dalam hadis-hadis ini cukup bagi memperkuat makna *fī sabīlillāh* di dalam ayat *al-ṣadaqāt* sebagai jihad seperti mana pandangan *jumhūr ‘ulamā’* dan ianya tidak difahami sepertimana makna asal pada bahasanya yang bersifat umum.²¹

2. Memperluaskan maksud jihad.

Yūsuf al-Qaradāwī dalam perkara ini dilihat telah memperluaskan maksud jihad yang telah dipilihnya bersesuaian dengan pandangan *jumhūr ‘ulamā’*. Namun *jumhūr ‘ulamā’* telah mentakrifkan *fī sabīlillāh* sebagai jihad pada jalan Allah yang dikhususkan bahagiannya kepada golongan perang dan hanya memperluaskannya bagi keperluan dan kepentingan

¹⁸ Abū ‘Abdullah Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī (1403 H), *op.cit.*, *Kitab al-Jihād wa al-Siyar, Bab al-Ghadwah wa al-Rawḥah fī Sabīlillāh wa Qābaqawsī Aḥadikum fī al-Jannah*, no. h. 2792, h. 304, Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitab al-Imārah, Bab Faḍl al-Ghadwah wa al-Rawḥah fī Sabīlillāh*, no. h. 1880, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 1499.

¹⁹ Abū ‘Abdullah Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī (1403 H), *op.cit.*, *Kitab al-Jihād wa al-Siyar, Bab al-Ja’āil wa al-Ḥumlān fī al-Sabīl*, no. h. 2970, h. 351, Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī (1991), *op.cit.*, *Kitab al-Hibbāt, Bab Karāhah Shirā’ al-Insān Mā Tuṣaddiqu bih*, no. h. 1620, h. 1239.

²⁰ Yūsuf al-Qaradāwī (2009), *op.cit.*, h.132.

²¹ *Ibid.*

jihad²² seperti pembelian senjata dan kenderaan perang termasuk segala keperluan dan perlengkapan untuk mengelak daripada serbuan musuh seperti pembinaan benteng, tembok dan pembuatan kapal perang.²³ Menurut mereka, bahagian ini tidak diberikan kepada perkara-perkara kebaikan atau kepentingan umum sepertimana makna pada bahasanya seperti pembinaan masjid, jalan raya, sekolah, pusat Islam, mengkafankan mayat dan sebagainya kerana amal tersebut tidak termasuk dalam *aṣnāf* lapan yang ditentukan syarak²⁴ serta tidak bersifat pemilikan.²⁵

Manakala menurut Yūsuf al-Qaradāwī, maksud jihad tersebut tidak lagi harus dipersempitkan hanya pada jihad ketenteraan dan peperangan sahaja seperti yang telah dikhususkan oleh *jumhūr* 'ulamā'. Sebaliknya, beliau melihat adanya keperluan untuk meluaskan konsep jihad kepada beberapa bentuk dan jenis perjuangan Islam yang lain. Ini kerana jihad di dalam Islam tidaklah terbatas pada konfrontasi bersenjata dan peperangan sahaja kerana terdapat hadis Nabi S.A.W yang menunjukkan amal jihad turut diinterpretasikan kepada beberapa maksud selainnya²⁶ seperti sabda Nabi S.A.W:

مَا مِنْ نَبِيٍّ بَعَثَهُ اللَّهُ فِي أُمَّةٍ قَبْلِي، إِلَّا كَانَ لَهُ مِنْ أُمَّتِهِ حَوَارِيُونَ
وَأَصْحَابٌ. يَأْخُذُونَ بِسُنَّتِهِ وَيَقْتَدُونَ بِأَمْرِهِ. ثُمَّ إِنَّهَا تَخْلَفُ مِنْ بَعْدِهِمْ
حُلُوفٌ. يَقُولُونَ مَا لَا يَفْعَلُونَ. وَيَفْعَلُونَ مَا لَا يُؤْمَرُونَ. فَمَنْ جَاهَدَهُمْ

²² Dalam perkara ini, sebahagian besar ulama Hanafi sahaja yang mengkhususkan bahagian jihad *fī sabīlillāh* hanya diberikan kepada golongan perang, tidak digunakan untuk keperluan jihad dan segala kepentingannya kerana mereka telah mensyaratkan sifat pemilikan sebagai salah satu rukun dalam pengagihan zakat. Lihat Ibn 'Ābidīn (1992), Hāshiah Rad al-Mukhtār, dicetak bersama *al-Durr al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 343.

²³ Al-Māwardī (1973), *Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 123, al-Buhūṭī (2005), *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 557, Ibn Muflīḥ (1997), *al-Furū'*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 471, al-Dasūqī (t.t), Hāshiah al-Dasūqī dicetak bersama Aḥmad al-Dardīr, *Sharḥ al-Kabīr*, j. 1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 492 dan Aḥmad b. Idrīs al-Qirāfī (1994), *al-Dhakhīrah*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmiyyah, h. 148.

²⁴ Aḥmad al-Dardīr (1989), *Sharḥ al-Ṣaghīr 'alā Aqrāb al-Masālik*, j. 1, t.tp.: Maktabah al-'Aṣriyyah, h. 664, Mālik b. Anas (t.t), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, j.1, Bayrūt: Dār Ṣādir, h. 299-300, al-Buhūṭī (2005), *op.cit.*, h. 552, Ibn Qudāmah (1992), *op.cit.*, j.4, h. 125 dan Wabbah al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 2, Dimashq: Dār al-Fikr, h. 875.

²⁵ Ibn 'Ābidīn (1992), *op.cit.*, Ibn al-Hummām (1995), *op.cit.*, h. 267-268.

²⁶ Yūsuf al-Qaradāwī (2009), *op.cit.*, h.134.

يَدِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ. وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِلِسَانِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ. وَمَنْ جَاهَدَهُمْ بِقَلْبِهِ فَهُوَ مُؤْمِنٌ. وَلَيْسَ وَرَاءَ ذَلِكَ مِنَ الْإِيمَانِ حَبَّةٌ خَرْدَلٍ.

Tidak ada seorang nabi pun yang diutuskan oleh Allah sebelum aku kecuali ada mempunyai para pengikut dan para sahabat yang menerima sunnahnya dan mentaati suruhannya. Mereka kemudian akan digantikan dengan para pengganti yang memperkatakan apa yang mereka tidak buat dan melakukan apa yang tidak disuruh. Maka sesiapa berjihad (menghadapi) dengan tangannya dia seorang mukmin, sesiapa yang berjihad (menghadapi) mereka dengan lidahnya dia seorang mukmin, sesiapa yang berjihad (menghadapi) mereka dengan hatinya dia seorang mukmin. Kurang daripada itu tidak ada iman walaupun sebesar biji sawi.²⁷

Dalam hadis yang lain, Nabi S.A.W juga bersabda:

جَاهِدِ الْمُشْرِكِينَ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَأَلْسِنَتِكُمْ.

Berjihadlah kamu menentang orang musyrikin dengan harta kamu, diri kamu dan lidah kamu.²⁸

Perluasan terhadap konsep jihad ini bagi diaplikasikan pada makna *fī sabīlillāh* di dalam ayat *al-ṣadaqāt* juga berdasarkan beberapa alasan berikut:²⁹

- Jihad boleh berlaku melalui tulisan dan ucapan seperti mana ia boleh berlaku melalui pisau dan pedang.
- Jihad juga boleh berlaku dalam bidang pemikiran, pendidikan, sosial, ekonomi, dan politik seperti mana dalam bidang ketenteraan.
- Membela agama Islam dan syariatnya pada suatu keadaan dapat direalisasikan melalui peperangan, manakala pada satu keadaan yang lain (seperti zaman ini) usaha tersebut lebih penting dan lebih berkesan untuk dilaksana melalui peperangan menerusi fikiran dan jiwa berbanding kekuatan dan peperangan.

²⁷ Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī (1991), *op.cit.*, *Kitab al-Īmān, Bab Bayān Kawna al-Nahy ‘an al-Munkar min al-Īmān, wa ‘an al-Īmān Yazīd wa Yanquṣ.*, no. h. 50, j. 1, h. 69.

²⁸ Abū Dāwud Sulaymān b. al-Ash’ath al-Sajastānī (t.t), *op.cit.*, *Kitab al-Jihād, Bāb Karāhiyyah Tarku al-Ghazw*, hadīth ṣaḥīḥ, no. h. 2504, h.440, Abū ‘Abd Raḥmān Aḥmad b. Shu’ayb b. ‘Alī (t.t), *Sunan al-Nasāī, Kitab al-Jihād, Bab Wujūb al-Jihād*, hadīth ṣaḥīḥ, no. h. 3096, Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, h. 477.

²⁹ Yūṣuf al-Qaradāwī (2009), *op.cit.*, h.133, 135.

- d. Gerakan fikiran dan budaya yang menyesatkan lebih berbahaya dan lebih jauh kesannya di zaman ini.

Perluasan terhadap maksud jihad sebagaimana yang ditafsirkan ini melibatkan bentuk perjuangan Islam yang lebih luas bersesuaian dengan kehendak zaman dapat difahami dengan lebih jelas melalui analogi yang telah dikemukakan beliau. Menurutnya, *fuqahā'* (ulama' fiqh) terdahulu telah membataskan saham *fī sabīlillāh* hanya bagi persiapan golongan perang, pengawal perbatasan serta penyediaan perlengkapan dan keperluan jihad mereka seperti kuda, baju perang dan senjata. Pada zaman ini golongan perang dan pengawal perbatasan tersebut terdapat dalam rupa bentuk yang berbeza. Golongan perang tersebut merupakan golongan yang berperang dengan menggunakan akal dan hatinya untuk mengajarkan Islam dan mendakwahkan Islam. Mereka ini juga merupakan pengawal yang telah mengerahkan seluruh tenaga, ucapan dan tulisan untuk mempertahankan akidah dan syariat Islam.³⁰

3. Aplikasi *qiyās* (menyamakan).

Maksud *fī sabīlillāh* yang difahami Yūsuf al-Qaradāwī juga berdasarkan pengaplikasian konsep *qiyās*. Beliau melihat jihad yang dikhususkan oleh *jumhūr 'ulamā'* kepada bentuk peperangan ini dipersamakan dengan segala amal jihad dalam pelbagai bentuk kerana kedua-duanya mempunyai '*illah* (sebab) yang sama iaitu bagi membela dan mempertahankan Islam.³¹ Konsep ini relevan diaplikasikan memandangkan kekerapan penggunaannya di kalangan *fuqahā'* sehingga dapat memasukkan banyak perkara dalam bab zakat. Kewajaran terhadap pengaplikasian ini turut dikaitkan beliau dengan beberapa contoh penggunaan *qiyās* yang telah diaplikasikan oleh *fuqahā'* seperti:³²

- a. Persamaan antara amil zakat dengan golongan yang bekerja demi kemaslahatan umat Islam. Perkara ini telah diharuskan oleh sebahagian *fuqahā'* berdasarkan konsep *qiyās*. Dalam perkara ini Ibn Rusd telah menyatakan bahawa golongan yang mengharuskan demikian telah membenarkan pemberian zakat kepada para hakim dan golongan yang bekerja bagi manfaat umum umat Islam.
- b. Persamaan antara *ibn al-sabīl* (musafir) dengan setiap orang yang jauh dari hartanya dan tidak berupaya memperolehinya sekalipun ia memiliki harta di negeri asalnya. Ini kerana perkara yang menjadi ukuran adalah sifat memerlukan dan sifat tersebut telah pun terdapat

³⁰*Ibid.*, h. 133-134.

³¹*Ibid.*, h. 135.

³²*Ibid.*, h. 134-135.

pada keadaan tersebut. Perkara ini telah diharuskan oleh sebahagian ulama Hanafi berdasarkan konsep *qiyās*.

Berdasarkan penggunaan konsep *qiyās* ini juga, Yūsuf al-Qaraḏāwī telah cenderung untuk meluaskan maksud jihad yang difahami oleh *jumhūr ‘ulamā’* sebagai peperangan meliputi jihad di lapangan ketenteraan, fikiran, pendidikan, kemasyarakatan dan sebagainya disebabkan kewujudan persamaan pada *‘illahnya*.³³

Konsep *fī sabīlillāh* yang telah digariskan beliau ini telah diaplikasi dalam setiap perkara yang diputuskan beliau berkaitan *āṣnāf fī sabīlillāh*. Pengaplikasian pandangan yang konsisten ini dapat dikenalpasti melalui jawapan yang diberikannya apabila ditanya berkaitan makna sebenar *fī sabīlillāh* dalam ayat *al-ṣadaqāt* dan adakah bahagian *āṣnāf* ini boleh diberikan kepada masjid, mengkafankan mayat dan amal kebaikan yang lain.³⁴ Menjawab persoalan tersebut, beliau telah menguatkan bahawa maksud *fī sabīlillāh* dalam ayat *al-ṣadaqāt* adalah bermaksud jihad sepertimana maksud yang diberikan *jumhūr ‘ulamā’* dengan dilakukan sedikit perluasan pada maksud tersebut. Beliau menjelaskan bahawa jihad dan perjuangan Islam pada zaman ini boleh berlaku dalam pelbagai perkara selagi mana ia menepati syarat dan kriteria *jihād fī sabīlillāh* (berjihad di jalan Allah). Tambahan pula peperangan dari sudut mental dan fikiran itulah yang dilihat beliau lebih berbahaya dan lebih besar kesannya ketika ini berbanding jihad peperangan. Beliau turut memperkuatkan bahawa adalah tidak tepat sekiranya *fī sabīlillāh* dalam ayat *al-ṣadaqāt* difahami dengan maksud yang umum sehingga meliputi segala perkara ketaatan dan kebaikan.³⁵

Konsep *fī sabīlillāh* yang dikemukakan oleh Yūsuf al-Qaraḏāwī ini turut didokong oleh beberapa ulama kontemporari lain seperti ‘Abdullah

³³ Persamaan *‘illah* tersebut adalah sebab pemberian zakat kepada perkara-perkara jihad dalam pelbagai lapangan tersebut mempunyai sebab yang sama dengan pemberian zakat yang diberikan kepada golongan perang sepertimana disepakati oleh kebanyakan ulama iaitu kedua-duanya bertujuan membela dan mempertahankan Islam .

³⁴ Yūsuf al-Qaraḏāwī (1981), *Hady al-Islām Fatāwā Mu’āṣirah*, j. 1, t.tp.: Dār Āfāq al-Ghad, h. 253.

³⁵ *Ibid.*, h. 253-255.

Nāṣiḥ ‘Ulwān,³⁶ Muḥammad Shawqī al-Fanjari³⁷ dan ‘Abdul Karīm Zaydān.³⁸

BENTUK JIHĀD FĪ SABĪLILLĀH MENURUT YŪSUF AL-QARADĀWĪ.

Di bawah konsep *fī sabīlillāh* yang digariskan Yūsuf al-Qaradāwī ini, terdapat beberapa perbuatan dan perjuangan Islam yang dapat diiktiraf sebagai *jihād fī sabīlillāh* (berjihad di jalan Allah) di zaman ini. Perkara utama yang digariskan beliau bagi mengiktiraf sesuatu usaha dan amal tersebut sebagai *jihād fī sabīlillāh* adalah berdasarkan usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengembalikan ajaran Islam yang sebenar dan menjadikannya panduan dalam seluruh aspek kehidupan manusia.³⁹ Berdasarkan perkara tersebut, beliau telah mengenalpasti beberapa usaha dan amal *jihād fī sabīlillāh* yang boleh dibiaya dari saham *fī sabīlillāh*. Antaranya:

1. Usaha membebaskan negara Islam dari cengkaman dan kekuasaan golongan kafir.

Usaha ini dilihat oleh beliau sebagai antara usaha yang terpenting untuk dikaitkan dengan makna jihad pada zaman ini kerana usaha ini dilakukan bertujuan mengembalikan hukum Islam yang telah digantikan oleh golongan *kuffār* dengan hukum mereka. Menurutnya, apabila salah satu bahagian negara Islam diserang, maka golongan *kuffār* ini wajib diperangi oleh penduduk di kawasan paling terdekat sehingga menjadi tanggungjawab keseluruhan umat Islam. Peperangan yang berlaku atas tujuan ini dikira sebagai *jihād fī sabīlillāh* yang wajib dibantu dan diberikan bahagian zakat. Dalam hal ini beliau turut menyenaraikan beberapa wilayah Islam yang memerlukan kepada pembebasan dari cengkaman golongan kafir dan menolak hukum-hukum mereka seperti Palestin, Kashmir dan beberapa lagi wilayah Islam yang lain.⁴⁰

³⁶ ‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān (1986), *Aḥkām al-Zakāh ‘alā Ḍawī al-Madhāhib al-Arba’ah*, al-Qāhirah: Dār al-Salām, h. 65 & 69.

³⁷ Muḥammad Shawqī al-Fanjari (1990), *al-Islām wa al-Damān al-Ijtimā’ī*, Miṣr: al-Hay’ah al-Miṣriyyah al-‘Āmmah li al-Kutub, h. 80.

³⁸ ‘Abdul Karīm Zaydān (t.t), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Shar’īyah al-Islāmiyyah*, j. 1, t.tp.: Mua’ssasah al-Risālah, h. 440.

³⁹ Yūsuf al-Qaradāwī (2009), *op.cit.*, h.143.

⁴⁰ *Ibid.*, h. 137-138.

2. Usaha mengembalikan hukum Islam.

Usaha ini dilihat beliau antara usaha yang amat tepat untuk dibiayai dari saham *fī sabīlillāh* pada ketika ini. Bentuk *jihād fī sabīlillāh* yang digariskan beliau ini adalah merujuk kepada pandangan yang diberikan oleh Rashīd Riḍā di dalam kitab *Tafsīr al-Manār*. Melalui kitab tersebut, Rashīd Riḍā telah menyebutkan bahawa perlunya menetapkan satu sasaran dari bahagian zakat *fī sabīlillāh* bagi usaha dan amal untuk mengembalikan hukum Islam kerana hal ini adalah lebih penting daripada jihad kerana memelihara hukum Islam dari serangan orang kafir ketika mana hukum Islam sudah ada. Begitu juga ada disebutkan oleh Rashīd Riḍā bahawa perlunya menetapkan beberapa sasaran lain dalam bahagian *fī sabīlillāh* bagi usaha yang bertujuan mendakwahkan Islam dan mempertahankannya sama ada melalui lisan dan tulisan sekiranya usaha mempertahankan Islam melalui pedang dan peperangan sukar dilaksana.⁴¹ Perkara yang disampaikan oleh Rashīd Riḍā ini dilihat oleh Yūsuf al-Qarāḍāwī sebagai suatu pemahaman yang mendalam dan halus untuk kepentingan Islam dan kehidupan keseluruhannya.⁴²

3. Jihad dalam lapangan pendidikan, kebudayaan dan penerbitan.

Perjuangan Islam dalam tiga lapangan ini telah dikenalpasti beliau sebagai suatu usaha dan perbuatan jihad yang lebih utama untuk dibiaya pada ketika ini setelah bahagian *fī sabīlillāh* bagi biaya keperluan dan kepentingan pertahanan negara dan ketenteraan telah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan melalui harta umum negara.⁴³ Menyedari akan kepelbagaian amal dalam lapangan-lapangan jihad ini, beliau sentiasa mengingatkan agar perluasan konsep jihad yang digagasnya ini sentiasa memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan agar dapat dikategorikannya sebagai *jihād fī sabīlillāh* dan boleh dibantu dari harta zakat.

4. Mendirikan pusat Islam.

Pusat ini dijadikan sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab mendakwahkan ajaran Islam yang sebenar serta menyampaikan ajarannya kepada orang bukan Islam di seluruh daerah dan negara. Keperluan kepada usaha ini disebabkan keadaan dunia ketika ini yang penuh dengan pelbagai agama dan aliran.⁴⁴

⁴¹Rashīd Riḍā (t.t), *Tafsīr al-Manār*, j.10, al-Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah, h. 598

⁴²Yūsuf al-Qarāḍāwī (2009), *op.cit.*, h. 142

⁴³*Ibid.*, h. 144.

⁴⁴*Ibid.*

5. Menubuhkan pusat-pusat Islam di negeri-negeri Islam.

Penubuhan ini bertujuan mendidik remaja-remaja Islam agar pandangan dan fikiran mereka adalah fikrah Islam yang sebenar. Termasuk di dalamnya usaha melindungi akidah mereka daripada pengaruh ateisme, penyelewengan fikiran, keruntuhan akhlak serta mempersiapkan mereka sebagai kader-kader pembela Islam bagi menghadapi musuh-musuhnya.⁴⁵

6. Menerbitkan majalah dan risalah Islam.

Majalah dan risalah Islam ini haruslah ditulis oleh ahlinya yang jujur dan tidak mudah terpengaruh sebagai menandingi risalah yang isi kandungannya merosak dan menyesatkan, mengadakan pembohongan serta memuatkan percakapan golongan yang berdusta dan samar dalam menyampaikan Islam. Usaha ini dilihat beliau sebagai salah satu perbuatan *jihād fī sabīlillāh* dengan tujuan meninggikan kalimah Allah S.W.T.⁴⁶

7. Mengumpulkan para pemuda Islam untuk berdakwah.

Pemuda-pemuda Islam yang kuat, amanah dan ikhlas boleh dilatih untuk berkhidmat di lapangan-lapangan yang telah disebutkan di atas dan melaksanakannya dengan penuh kerajinan, perhitungan dan kecintaan untuk berkhidmat untuk agama agar dapat menyangkal tipu daya musuh dan menentang penyebaran fahaman dan isme-isme yang menyesatkan supaya akidah Islam tetap terjaga dan terpelihara.⁴⁷

8. Membantu pendakwah-pendakwah yang menyampaikan ajaran Islam yang sebenar.

Golongan ini harus dibantu ketika mana mereka menghadapi tentangan dan serangan daripada musuh-musuh Islam sama ada serangan dari dalam mahupun luar.⁴⁸

9. Menyebarkan buku-buku tentang ajaran Islam yang sebenar disamping buku-buku yang membentangkan berkenaan kebatilan pihak musuh Islam.⁴⁹

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ *Ibid.*, h. 144-145.

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ *Ibid.*, h. 145.

Walaupun bagaimanapun, bentuk-bentuk *jihād fī sabīlillāh* yang dilaksanakan di bawah perluasan konsep jihad ini haruslah terlebih dahulu menepati syarat dan kriteria yang ditetapkan. Syarat utama yang telah digariskan oleh Yūsuf al-Qaradāwī bagi setiap perbuatan jihad yang ingin dimasukkan di bawah pengertian *fī sabīlillāh* haruslah setiap usaha yang bertujuan membela dan meninggikan Islam di muka bumi ini. Setiap perbuatan jihad yang memiliki tujuan tersebut termasuk dalam pengertian *fī sabīlillāh* walau dengan apa cara dan kaedah yang dilakukan.⁵⁰ Di samping syarat utama tersebut, beliau turut menetapkan beberapa kriteria lain iaitu:⁵¹

- a. Perbuatan tersebut adalah dalam kategori jihad Islam yang sebenar dan sesuai dengan ajaran Islam yang sebenar.
- b. Perbuatan yang tidak dicampuri unsur-unsur kesukuan dan kebangsaan.
- c. Fahaman terhadap ajaran Islam yang sebenar, tidak dicampuri dengan fahaman luar.
- d. Tidak bermaksud untuk kepentingan peribadi, kedudukan, negara atau fahaman yang dianuti.
- e. Haruslah menjadikan Islam sebagai asas, sumber, tujuan, arah tuju dan peraturan dalam setiap amal yang dilakukan.

Syarat dan kriteria yang digariskan ini adalah penentu yang membezakannya antara jihad pada jalan Allah dengan jihad berbentuk duniawi dan adat. *Jihād fī sabīlillāh* sahaja yang layak dibantu dari harta zakat kerana Islam hanya akan mengiktiraf perbuatan jihad dan peperangan sebagai suatu ibadah dan *taqarrub* yang utama kepada Allah apabila keduanya dilaksanakan dengan tujuan membela dan mempertahankan Islam.⁵² Di bawah perkara ini, lahir konsep daripada Yūsuf al-Qaradāwī bahawa tidak semua amal yang berdiri atas nama Islam adalah termasuk dalam *jihād fī sabīlillāh* yang boleh dibiaya dari saham *fī sabīlillāh*. Ini kerana menurutnya, sesuatu perbuatan itu akan berbeza mengikut keadaan pada suatu tempat dan masa. Pada suatu keadaan, perbuatan tersebut dapat dikira sebagai *jihād fī sabīlillāh* tetapi pada suatu masa, tempat dan keadaan yang lain pula, ia tidak termasuk dalam ruang lingkup *jihād fī sabīlillāh*.⁵³ Konsep ini dapat difahami dengan lebih jelas melalui beberapa contoh yang telah dikemukakannya:

- a. Menirikan sekolah pada suatu keadaan yang biasa merupakan suatu amal yang baik tetapi tidak dikira sebagai jihad. Namun, menirikan sekolah dalam keadaan negara mempunyai masalah pendidikan, pusat-pusat pengajian dikuasai oleh kapitalis, komunis, atheis atau pihak

⁵⁰*Ibid.*, h. 133.

⁵¹*Ibid.*, h. 144.

⁵²*Ibid.*, h. 139-140.

⁵³*Ibid.*, h. 135.

- sekular adalah antara jihad yang besar untuk dilaksana untuk menyampaikan ajaran Islam dan mengukuhkan akidah umat Islam daripada pengaruh-pengaruh tersebut.⁵⁴
- b. Mendirikan perpustakaan Islam bagi menolak perpustakaan yang bahan-bahannya merosakkan fikiran dan akidah umat Islam adalah suatu amal jihad.⁵⁵
 - c. Usaha mendirikan hospital Islam bagi merawat umat Islam agar mereka terselamat dari pengaruh dan penyesatan akidah oleh golongan penentang Islam di hospital yang dibangunkan oleh mereka juga termasuk dalam ruang lingkup jihad.⁵⁶
 - d. Tidak semua peperangan termasuk dalam *sabīlillāh*. Sesuatu peperangan dikira sebagai *sabīlillāh* apabila tujuannya hanya untuk membela Islam dan meninggikan kalimahNya serta mempertahankan negara Islam. Peperangan yang tidak memiliki tujuan tersebut walaupun disertai oleh orang Islam atau berlaku di negara Islam tidaklah dikira sebagai peperangan pada jalan Allah. Sebaliknya hanya menjadi peperangan berbentuk duniawi dan adat yang tidak boleh diberikan bahagian zakat kerana beranggapan peperangan itu termasuk dalam *sabīlillāh*.⁵⁷ Dalam hal ini beliau berhujah dengan hadis Nabi S.A.W:

مَنْ قَاتَلَ لِتَكُونَ كَلِمَةُ اللَّهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ.

*Sesiapa yang berperang kerana menjadikan kalimah Allah sebagai kalimah yang paling tinggi, maka dialah yang berperang pada jalan Allah.*⁵⁸

KESIMPULAN

Meneliti pandangan Yūsuf al-Qaraḍāwī ini, di dapati beliau telah mentafsirkan *fī sabīlillāh* sebagai jihad sepertimana makna yang telah diberikan oleh *jumhūr ‘ulamā’*. Namun dalam perkara ini, beliau telah cenderung untuk memperluaskan makna jihad yang disepakati oleh *jumhūr ‘ulamā’* sebagai jihad peperangan kepada jihad dan perjuangan

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ *Ibid.*, h. 138-139.

⁵⁸ Abū ‘Abd Allah Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī (1403 H), *op.cit.*, *Kitab Farḍ al-Khumus, Bab Man Qātala li al-Maghnām Hal Yanquṣ min Ajrih*, no. h. 3126, h. 395, Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushayrī (1991), *op.cit.*, *Kitab al-Imārah, Bab man Qātala li takūn Kalimah Allāh hiya al-‘Ulyā Fahuwa fī Sabīlillāh*, no. h. 1904, h. 1512.

Islam yang lebih luas melibatkan pelbagai kaedah dan lapangan jihad bagi disesuaikan dengan kehendak zaman.

Walaupun konsep *fī sabīlillāh* yang digagaskan Yūsuf al-Qaraḍāwī ini merupakan suatu perluasan terhadap maksud *fī sabīlillāh*, namun perluasan ini tetap dalam lingkungan menerima pakai pandangan *jumhūr ‘ulamā’* kerana perluasan tersebut masih mengekalkan ‘illah jihad peperangan yang disepakati oleh *jumhūr* iaitu bagi membela, meninggi dan mempertahankan Islam. Cuma, disini berlaku sedikit perbezaan dari aspek kaedah yang dilaksana di mana jihad pada zaman ini dilakukan melalui pelbagai kaedah seperti kaedah lisan, tulisan, pendidikan dan sebagainya bertujuan mempertahankan Islam di zaman ini.

Justeru, melalui konsep *fī sabīlillāh* yang dikemukakan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī ini, terdapat pelbagai usaha dan amal yang boleh dikira termasuk dalam *jihād fī sabīlillāh* di zaman ini dan boleh dibiaya dari harta zakat selagi mana ianya menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan bagi tujuan mempertahankan Islam dan memelihara akidah umatnya pada zaman penuh cabaran ini.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran

Abū Dāwud, Abū Dāwud Sulaymān b. al-Ash’ath al-Sajastānī (t.t), *Sunan Abū Dāwud*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’.

Al-Bukhārī, Abū ‘Abdullah Muḥammad b. Ismā’īl al-Bukhārī (1403 H), *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, j. 2, al-Qāhirah: al-Maṭba’ah al-Salafiyyah.

Al-Nasāī, Abū ‘Abd Raḥman Aḥmad b. Shu’ayb b. ‘Alī (t.t), *Sunan al-Nasāī*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’.

Ibnu Mājah, Abū ‘Abdullah Muḥammad b. Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibnu Mājah*, Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’.

Muslim b. al-Ḥajjāj al-Qushairī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Buku

‘Abdul Karīm Zaydān (t.t), *al-Mufaṣṣal fī Aḥkām al-Mar’ah wa al-Bayt al-Muslim fī al-Sharī’ah al-Islāmiyyah*, j. 1, t.tp.: Mua’ssasah al-Risālah.

‘Abdullah Nāṣiḥ ‘Ulwān (1986), *Aḥkām al-Zakāh ‘alā Daw’i al-Madhāhib al-Arba’ah*, al-Qāhirah: Dār al-Salām.

Al-Bājī, Abū al-Walīd Sulaymān b. Khalaf (1999), *al-Muntaqā Sharḥ Muwaṭṭa’ Mālik*, j.3, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Bājūrī, Ibrāhīm b. Muḥammad (t.t), Ḥāshiah al-Bājūrī, dicetak bersama Ibn Qāsim al-Ghāzī, *Matan Abī Shujā’*, j. 1, Miṣr: ‘Īsā al-Bābī al-Ḥalabī.

Al-Buhūtī, Manṣūr b.Yūnus (2005), *Sharḥ Muntahā al-Irādāt*, j.1, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Dardīr, Aḥmad b. Muḥammad (1989), *Sharḥ al-Ṣaghīr ‘ala Aqrab al-Masālik*, j. 1, t.tp.: Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Al-Dasūqī, Muḥammad b. Aḥmad bin ‘Arafah (t.t), Ḥāshiah al-Dasūqī dicetak bersama al-Dardīr, Aḥmad b. Muḥammad, *Sharḥ al-Kabīr*, j. 1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Al-Mardāwī, ‘Alāuddīn Abī al-Ḥasan ‘Alī b. Sulaymān (1998), *al-Inṣāffī Ma’rifah al-Rājiḥ Min al-Khilāf ‘Alā Madhhab al-Imām Aḥmad b. Ḥanbal*, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Māwardī, Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Muḥammad (1973), *Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

Al-Nawāwī, Abū Zakariyā Muḥyiddīn b. Sharf (t.t), *al-Majmū’ Sharḥ al-Muhadhab*, j. 6, Miṣr: Maṭba’ah al-Imām.

Al-Qarāḍāwī, Yūsuf (1981), *Hadyu al-Islām Fatāwā Mu’āṣirah*, j. 1, t.tp.: Dār Āfāq al-Ghad.

(1994), *Min Hadyi al-Islām Fatāwā Mu’āṣirah*, j. 2, t.tp.: Dār al-Wafā’.

_____ (2009), *Fiqh al-Zakāh*, j. 2, Dimashq: Dār al-Risālah al-‘Ālamiyyah.

Al-Qirāfī, Aḥmad b. Idrīs (1994), *al-Dhakhīrah*, j. 3, Bayrūt: Dār al-Gharb al-Islāmiyyah.

Al-Sharbīnī, Shamsuddīn Muḥammad b. Aḥmad (1940), *al-Iqnā` fī Ḥill Alfāz Abī Shujā`* j. 1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.

_____ (1996), *al-Iqnā` fī Ḥill Alfāz Abī Shujā`*, j.1, Bayrūt: Dār al-Khayr.

Al-Shawkānī, Muḥammad b. ‘Alī (1997), *Fath̄ āl-Qadīr*, j. 2, Miṣr: Dār al-Wafā’.

_____ (2013), *Fath̄ āl-Qadīr*, j.1, al-Qāhirah: Dār al-Ghad al-Jadīd.

Fayrūz Ābādī, Majd al-Dīn Muḥammad b. Ya’akūb (t.t), *al-Qāmus al-Muḥīṭ*, j. 3, al-Qāhirah: Muassasah al-Ḥalabī.

Ibn ‘Ābidīn, Muḥammad Amīn b. ‘Umar (1992), Ḥāshiah Rad al-Mukhtār, dicetak bersama *al-Dur al-Mukhtār: Sharḥ Tanwīr al-Abṣār*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Fikr.

Ibn al-Athīr (1963), *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*, j. 2, al-Qāhirah: Maktabah al-Islāmiyyah.

Ibn al-Hummām, Kamāluddīn Muḥammad b. ‘Abdul Wāḥid (1995), *Sharḥ Fath̄ al-Qadīr*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Manẓūr, Jamāluddīn Muḥammad b. Mukarram (1956), *Lisānal-‘Arab*, j. 35, t.tp.: Dār Bayrūt.

Ibn Muflīḥ, Shamsuddīn Abū ‘Abdullah Muḥammad (1997), *al-Furū’*, j. 2, Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn Qudāmāh, Abū Muḥammad ‘Abdullah b. Aḥmad (1992), *al-Mughnī*, j.4, al-Qāhirah: Hajr li al-Ṭībā’ah wa al-Nashr.

_____ (1996), *al-Mughnī*, j. 9, al-Qāhirah: Hajr Liṭṭibā’ah.

- Ibn Rushd, Abū al-Walīd Muḥammad b. Aḥmad (1981), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, j. 1, Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibrāhīm Muṣṭafā *et al.* (1972), *al-Mu'jam al-Wasīṭ*, j. 1, Turki: al-Maktabah al-Islāmiyyah.
- Kassāb, Akram (2007), *al-Manhaj al-Da'wī 'Inda al-Qaraḏāwī*, al-Qāhirah: Maktabah Wahbah.
- Mālik b. Anas (t.t), *al-Mudawwanah al-Kubrā*, j.1, Bayrūt: Dār Ṣādir.
- Muḥammad al-‘Adnānī (1986), *Mu'jam al-Aghlāt al-Lughawiyyah al-Mu'āṣarah*, t.tp.: Maktabah Lubnān.
- Muḥammad Shawqī al-Fanjārī (1990), *al-Islām wa al-Ḍamān al-Ijtimā'ī*, Miṣr: al-Haiāh al-Miṣriyyah al-‘Āmmah al-Kutub.
- Rashīd Riḏā (t.t.), *Tafsīr al-Manār*, j.10, al-Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah.
- Wahbah al-Zuhaylī (1984), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, j. 2, Dimashq: Dār al-Fikr